

Salam Kasih

PERSAUDARAAN

**DI KAMPUNG ORANG ASLI
KG. SANTEH, POS LEGAP,
SUNGAI SIPUT, PERAK**

Anjuran :

**KELAB SUKAN DAN REKREASI
RTM ANGKASAPURI (KSRRTMA)
JABATAN PENYIARAN MALAYSIA**

Tarikh :

**19HB - 20HB NOVEMBER 2022
(SABTU & AHAD)**



PENGENALAN KSRRTMA

Kelab Sukan dan Rekreasi RTM Angkasapuri (KSRRTMA), adalah sebuah badan bukan kerajaan (NGO) yang ditubuhkan dengan matlamat dan cita-cita yang seiring dengan arus pembangunan sukan negara sehingga ke hari ini.

Biarpun penubuhannya boleh dikatakan ibarat bunga yang masih berputik tetapi dengan kembangnya nanti diharap KSRRTMA mampu untuk lebih ke hadapan dalam meningkatkan lagi aktiviti riadah sukan dan rekreasi bukan sahaja dalam kalangan ahlinya bahkan juga masyarakat Malaysia secara amnya. Apatah lagi dalam soal penjagaan kesihatan serta menjauhi gejala yang kurang sihat.

Justeru, KSRRTMA mengharapkan agar badan-badan bukan kerajaan lain terutama yang berasaskan aktiviti sukan dan rekreasi mempunyai matlamat yang seiring bagi memastikan kesinambungan kecemerlangan sukan tanahair dapat dipertingkatkan.

Kini, KSRRTMA terus mengorak langkah dengan mengembangkan aktiviti sukarelawan dengan mengadakan program kebajikan seperti memberi bantuan kepada mangsa banjir di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor.

LATAR BELAKANG KSRRTMA

Kelab Sukan dan Rekreasi RTM Angkasapuri (KSRRTMA) telah ditubuhkan dengan rasmi pada 27 Mac 2013. Menerusi penubuhannya, pelbagai program serta aktiviti jangka pendek dan jangka panjang telah dirangka untuk menjadikan KSRRTMA sebuah organisasi bukan kerajaan (NGO) bermotifkan sukan dan rekreasi yang mampu bergerak dan turut serta dalam memantapkan pembentukan warga kerja yang sihat, cergas dan produktif.

Selain itu, KSRRTMA juga ingin menjadi pengkalan dalam menghubungkan komuniti masyarakat pekerja di RTM mengikut pelbagai peringkat, jabatan dan agensinya agar mampu membentuk individu yang sentiasa matang dalam pemikiran mahupun tindakan.

Justeru, penubuhan KSRRTMA amat tepat dalam merealisasikan seruan kerajaan selama ini untuk melahirkan kakitangan awam yang efisien dan produktif bagi memastikan agenda pembangunan negara menerusi Wawasan 2020 akan tercapai.

OBJEKTIF KSRRTMA

❖ **Mengeratkan hubungan silaturrahim**

Untuk mengeratkan hubungan silaturrahim antara RTM dengan Jabatan dan agensi-agensi di bawahnya menerusi aktiviti sukan dan riadah.

❖ **Melahirkan ahli ke tahap TCCP**

Untuk melahirkan ahli-ahli KSRRTMA ke tahap tccp (tangkas, cergas, cemerlang dan perkasa).

❖ **Membuat aktiviti kebajikan**

Untuk membuatkan aktiviti-aktiviti kebajikan ahli. Secara tidak langsung mampu membantu khususnya kepada ahli-ahli yang memerlukan bantuan dan masyarakat awam amnya.

❖ **Melahirkan kakitangan awam yang sihat, cergas dan produktif**

Untuk menyahut seruan kerajaan bagi melahirkan kakitangan awam yang sihat, cergas dan produktif.

PENGENALAN PROGRAM

Tidak dinafikan Orang Asli pada masa kini semakin maju dan berkembang namun masih ada segelintir daripada mereka kurangnya kesedaran dan kedudukan sosio-ekonomi yang tidak kukuh menjadi faktor mengekang anak masyarakat Orang Asli di negara ini mendapat pendidikan dan ilmu agama yang sempurna. Oleh itu, program dakwah dan kebajikan telah diperbanyakkan di kawasan pedalaman kampung orang asli bagi memastikan agama Islam tersebar luas dan sampai kepada komuniti mereka. Golongan ini memerlukan pendedahan mengenai pendidikan, kesihatan, bidang sains dan sebagainya seiring dengan ajaran Islam.

Sehingga ke hari ini, aktiviti dakwah dan sukarelawan masih diadakan secara berterusan kepada masyarakat orang Asli. Buktinya, pada pertengahan 2017, KSRRTMA telah mengadakan program sempena bulan Ramadan di Perkampungan Orang Asli Kuala Boh, Cameron Highland, Pahang Darul Makmur manakala pada tahun 2019 KSRRTMA bersama beberapa orang sukarelawan menyantuni penduduk Kampung Orang Asli Pos Buntu, Sungai Kelang, Raub, Pahang sempena bulan kemerdekaan dan kali ini KSRRTMA bercadang untuk mengunjungi komuniti orang asli suku kaum Temiar di Kampung Santeh, Pos Legap, Sungai Siput, Perak.

Pendidikan Islam dari segi fardu ain dan fardu kifayah kepada mereka tidak boleh terhenti di pertengahan jalan kerana proses bimbingan ini memerlukan masa agar mereka terus istiqamah dalam menjalani kehidupan sebagai seorang muslim. Oleh itu, Kami di KSRRTMA merasakan adalah perlu untuk mengadakan program 'Salam Kasih Persaudaraan' di Kampung Santeh, Sungai Siput, Perak agar mereka sedar bahawa agama Islam itu saling membantu dan bersaudara.

Bagaimanapun, program sebegini sangat memerlukan kerjasama daripada semua pihak sama ada dari pihak kerajaan, sektor swasta, golongan korporat mahupun pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bagi bergading bahu untuk menarik lebih ramai Orang Asli memahami kehidupan masyarakat penganut Islam selain memastikan mereka yang sudah beragama Islam sentiasa berpegang teguh kepada ajarannya.

OBJEKTIF PROGRAM

Program 'Salam Kasih Persaudaraan' ini adalah untuk membantu masyarakat Orang Asli dalam mengenal dan menghayati pengertian Agama Islam selain bertujuan mengeratkan lagi hubungan silaturrahim antara golongan Orang Asli dengan masyarakat agar dapat bersama-sama berganding bahu menjayakan program amal anjuran KSRRTMA.

Selain itu, pihak KSRRTMA juga dapat mengenalpasti bantuan yang diperlukan oleh masyarakat Orang Asli sekaligus membantu pihak kerajaan khususnya di Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia serta Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah demi keharmonian dan kesejahteraan rakyat yang berbilang kaum.

PERLAKSANAAN PROGRAM

Program 'Salam Kasih Persaudaraan' ini akan diadakan di perkampungan orang asli suku kaum Temiar di Kampung Santeh, Pos Legap, Sungai Siput, Perak pada 19hb hingga 20hb November 2022 pada hari Sabtu dan Ahad selama dua hari. Perjalanan ke kampung tersebut akan mengambil masa lima jam bermula dari tempat pelepasan iaitu di Radio Televisyen Malaysia Angkasapuri, Kuala Lumpur yang melibatkan 30 sukarelawan KSRRTMA dan kakitangan radio Asyik FM.

Kampung Santeh merupakan kampung baharu yang dibuka pada tahun 2000. Jumlah penduduk di kampung tersebut adalah seramai 407 orang yang mana 207 beragama Islam manakala 200 tidak mempunyai agama atau Ateis. Sebahagian daripada penduduk Kampung Santeh merupakan penduduk asal Kampung Pendek yang rata-ratanya mengambil upah kerja ladang kelapa sawit, getah dan mencari hasil hutan. Mereka disarankan oleh Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) untuk berpindah bagi memudahkan kerajaan membina kemudahan prasarana seperti surau dan klinik.

Pihak KSRRTMA akan menghulurkan bantuan yang berupa barangan keperluan harian, kelengkapan solat serta lain-lain bantuan kepada golongan Orang Asli yang telah dikenalpasti oleh KSRRTMA bagi meringankan beban mereka. Selain itu, pelbagai acara akan diadakan sempena program tersebut antaranya ceramah agama, solat berjemaah, sukan rakyat serta majlis beramah mesra antara penduduk dan sukarelawan KSRRTM yang dikendalikan oleh DJ Radio Asyik FM.

PENUTUP

Biarpun hanya sedikit, tetapi sekurang-kurangnya sebahagian daripada golongan masyarakat Orang Asli khususnya yang beragama Islam dapat dibantu dan tidak dipersiaikan. Semoga dengan usaha amal sebegini akan lebih ramai lagi insan-insan seperti mereka dapat dibantu. Oleh itu usaha yang berterusan amat diperlukan bagi menjamin kelangsungan hidup mereka. Semoga usaha KSRRTMA ini diberkati dan dirahmati Allah SWT.

Daripada Abu Hurairah r.a. daripada Nabi Muhammad SAW, baginda telah bersabda: "...Barangsiapa yang melepaskan seorang mukmin daripada satu kesusahan daripada kesusahan-kesusahan dunia, nescaya Allah akan melepaskannya daripada satu kesusahan daripada kesusahan-kesusahan kiamat. Barangsiapa yang mempermudah bagi orang susah, nescaya Allah akan mempermudah baginya di dunia dan di akhirat..."

AHLI JAWATANKUASA SESI 2022

Penasihat	: Dato` Mustafa Kamal A. Razak
Presiden	: Puan Putri Joliana Binti Jaacob
Timbalan Presiden	: Encik Azlan Bin Alias
Setiausaha	: Puan Farrah Wahidah Binti Md Din
Penolong Setiausaha	: Puan Intan Nurlinda Binti Mat Isa
Bendahari	: Puan Azlina Binti Mohd Tarikh
Ahli Jawatan Kuasa	: NurulHilmiyah Binti Mat Noh Encik Rijal Bin Rejemi Puan Maimunah Binti Jaa'far Candra Boos Encik Azlan Bin Mutalib Puan Fatimah Abdul Jabbar Encik Azmi Bin Khamis

LAWATAN DAN PERBINCANGAN BERSAMA TOK BATIN DI KAMPUNG ORANG ASLI KG. SANTEH, POS LEGAP, SUNGAI SIPUT PERAK



ATURCARA PROGRAM SALAM KASIH PERSAUDARAAN

TEMPAT: DI KAMPUNG ORANG ASLI KG. SANTEH, POS LEGAP, SUNGAI SIPUT, PERAK.

TARIKH: 19HB NOVEMBER 2022 (SABTU)

- 09:00 pagi : Ketibaan Sukarelawan di Wisma RTM Angkasapuri, Kuala Lumpur
 - Sarapan pagi
- 10:00 pagi : Majlis pelepasan dan lintas langsung program 'Salam Kasih Persaudaraan' di rancangan Selamat Pagi Malaysia RTM
- 03:00 petang : Sukarelawan dijangka tiba Kampung Orang Asli Kg. Santeh, Pos Legap, Sungai Siput, Perak.
 - Sukan rakyat bersama komuniti Orang Asli.
- 05:00 petang : Minum petang
- 05.30 petang : Aktiviti bebas
- 07.25 petang : Solat Maghrib
 - Ceramah agama yang akan disampaikan oleh penceramah jemputan yang juga Orang Asli suku kaum Temiar
- 08.35 malam : Solat Isyak
- 09.00 malam : Penyerahan bantuan kepada para penduduk Kg. Santeh, Pos Legap.
- 10.00 malam : Jamuan makan malam
- 11.00 malam : Persembahan tarian sewang daripada penduduk Kg. Santeh, Pos Legap.
 - Majlis bersurai